

23 SEP 1996

UMNO

PEMILIHAN UMNO : 185 CALON BERTANDING

UMNO (ulangan betulkan para akhir)

PEMILIHAN UMNO : 185 CALON BERTANDING

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Seramai 185 calon UMNO akan bertanding pelbagai jawatan pada pemilihan parti bulan depan setelah pencalonan mereka disahkan oleh Jawatankuasa Pemilihan parti.

Setiausaha Agung parti Datuk Mohamed Rahmat hari ini berkata kesemuanya didapati bersih daripada segala tuduhan dan aduan berkaitan rasuah politik, salah guna kedudukan dan berkempen kerana tidak ada bukti kukuh.

"Walaupun mereka layak bertanding, namun mereka masih terikat dengan peraturan parti dan masih boleh disiasat jika ada aduan terhadap mereka selepas ini," katanya dalam persidangan berita di ibu pejabat UMNO di sini.

Tujuh calon akan bertanding jawatan Naib Presiden, 61 calon bagi Majlis Tertinggi, dua Pengerusi Tetap dan tiga Timbalan Pengerusi Tetap.

Jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

Bagi Pergerakan Pemuda pula, lima calon akan merebut jawatan Ketua Pemuda, lima Naib Ketua, 62 calon anggota jawatankuasa dan dua calon bagi jawatan Timbalan Pengerusi Tetap. Datuk Haji Khalid Yunus telah memang tanpa pertandingan sebagai Pengerusi Tetap.

Bagi Pergerakan Wanita UMNO, dua calon bertanding jawatan Ketuanya, tiga bagi jawatan Naib Ketua, 30 bagi anggota jawatankuasa dan tiga bagi jawatan Timbalan Pengerusi Tetap. Bagi jawatan pengerusi tetap, Tan Sri Hajah Aishah Ghani menang tanpa pertandingan.

Mohamed berkata senarai calon itu diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden parti, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada mesyuaratnya Rabu lepas dan ini disahkan keesokannya oleh Jawatankuasa Pemilihan parti.

Jawatankuasa Khas Majlis Tertinggi yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden UMNO memberi amaran bahawa sungguhpun senarai rasmi itu dipersetujui oleh kedua-dua jawatankuasa berkenaan tetapi mana-mana calon yang melanggar peraturan yang ditetapkan oleh ibu pejabat parti termasuk berkempen, menyalahgunakan kedudukan dan rasuah politik, akan digugurkan daripada bertanding.

Mohamed berkata Jawatankuasa Pengurusan menerima lebih 100 aduan dan tuduhan calon melanggar arahan parti tetapi setelah disiasat semuanya tidak mempunyai asas.

Mengenai calon yang didakwa muflis, beliau berkata selepas merujuk perkara itu kepada Pemegang Amanah Raya, semua calon juga didapati bebas daripada tuduhan itu.

Bagaimanapun, jabatan itu memaklumkan terdapat 24 orang perwakilan didapati muflis tetapi setelah mereka dihubungi secara bersurat untuk penjelasan, 16 berkata mereka tidak lagi muflis.

"Lapan lagi tidak menjawab dan ibu pejabat menganggap mereka adalah muflis dan tidak layak menjadi perwakilan pada perhimpunan parti dan tempat mereka tidak boleh diganti," katanya.

Daripada 16 yang menjawab itu, lapan disahkan bebas daripada muflis sementara lapan kes lagi masih disiasat kerana mereka mendakwa mereka telahpun mengambil langkah untuk membebaskan diri daripada muflis.

Katanya sungguhpun jabatan Pemegang Amanah Raya mengesahkan 24 perwakilan masih muflis tetapi mereka mengemukakan bukti lengkap bahawa mereka telah bebas.

Untuk menjadi anggota perwakilan, Jawatankuasa Khas itu telah memutuskan hanya wakil yang meninggal dunia boleh diganti dengan orang lain

yang memperolehi undi terbanyak selepas 10 orang yang layak menjadi wakil dalam pemilihan peringkat bahagian.

Beliau berkata 10 orang telah menarik daripada bertanding -- tiga bagi kerusi Majlis Tertinggi, enam bagi Jawatankuasa Pergerakan Pemuda dan seorang bagi Jawatankuasa Pergerakan Wanita.

Mereka yang menarik diri daripada bertanding sebagai Anggota Majlis Tertinggi ialah Hassan Harun, Datuk Amin Shah Omar Shah dan Abdul Rahman Mat Salleh.

Bagi Jawatankuasa Pergerakan Pemuda pula, mereka yang berundur ialah Hasan Hamzah, Jamal Sulai, Tamunif Mokhtar, Datuk Nor Mohamad Abu Backer, Ismail Tayib dan Mohd Lan Allani. Calon tunggal Pergerakan Wanita yang menarik diri ialah Hamisa Samat.

Mohamed juga berkata calon akan menggunakan pelbagai cara pada saat-saat akhir untuk memancing undi tetapi mereka harus sedar bahawa Jawatankuasa Khas boleh mempertimbangkan untuk menafikan keputusan seseorang sungguhpun keputusan pemilihan telahpun diumumkan.

Majlis Tertinggi parti akan bermesyuarat pada 4 Okt manakala pada 8 Okt ia akan mengadakan satu mesyuarat khas, perjumpaan terakhir bagi penggal ini.

Pemilihan bagi jawatan Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita akan diadakan pada 9 Okt manakala untuk UMNO ialah pada 10 Okt. Perhimpunan Agung UMNO berakhir pada 12 Okt.

Mohamed berkata cabutan bagi kedudukan calon dalam kertas pengundian telahpun dibuat oleh Jawatankuasa Pemilihan tetapi ia akan hanya diedar sehari sebelum pemilihan itu untuk mengelak calon berkempen berdasarkan nombor kedudukan. --BERNAMA

SJA ARA MAI